



KENYATAAN BERSAMA • 25 FEBRUARI 2022

### **Berwaspada dengan Pilihan Raya Negeri Johor**

Gabungan Kesihatan Malaysia (MHC) kuarir tentang [peningkatan jumlah](#) kes COVID-19 sejak 1 Feb 2022. Sungguhpun pesakit yang dijangkiti Omicron menunjukkan gejala yang ringan, kemasukan pesakit COVID19 ke hospital sedang meningkat. Justeru, kami menggesa kerajaan untuk berwaspada dengan Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor.

Oleh yang demikian, kita harus:

**1. Melaksanakan prosedur pengundian yang selamat dan melarang aktiviti kempen fizikal**

SOP PRN Johor yang dimuktamadkan lebih [longgar](#) berbanding SOP PRN Melaka dan Sarawak. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) perlu menambahbaik proses mengundi dan proses pilihan raya, supaya semua Rakyat dapat memenuhi tanggungjawab demokrasi. SPR harus melarang aktiviti kempen fizikal di samping penguatkuasaan SOP yang tegas dan adil. SPR harus melaksanakan mekanisme baru untuk membolehkan pengundian melalui pos atau secara elektronik dengan telus dan tidak disalahgunakan.

**2. Meningkatkan dos penggalak vaksin dan penguatkuasaan SOP**

Kami menyeru semua rakyat Malaysia untuk mengambil dos penggalak, berdasarkan bukti kukuh bahawa vaksin penggalak berkesan terhadap Omicron. Kami juga menyarankan semua pemimpin untuk menunjukkan teladan yang baik apabila berkempen. Setelah dua tahun pandemik COVID-19, tiada alasan bagi sesiapa ahli politik untuk melanggar SOP yang telah ditetapkan. Kami juga menggesa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk bekerjasama dengan SPR untuk memuktamadkan SOP kesihatan yang berkesan untuk PRN Johor. Ini kerana Pilihan Raya Umum Malaysia perlu diadakan sebelum Mei 2023, dan pengalaman PRN Johor akan menjadi contoh untuk PRU Malaysia.

**3. Mempertimbangkan penangguhan PRN Johor jika keadaan COVID19 merosot**

Meskipun PRN Melaka dan Sarawak pada bulan Nov-Dis 2021 tidak menyebabkan peningkatan kes secara mendadak, keadaan adalah berbeza pada Feb-Mac 2022. Pertama, gelombang varian Omicron bermula selepas PRN Sarawak, dan Omicron mempunyai tahap kebolehsangkitan yang sangat tinggi. Kedua, kadar dos penggalak vaksin pada tahun 2022 didapati lebih perlahan berbanding dengan kadar vaksinasi primer pada awal 2021. Ketiga, Johor dijangkakan akan melibatkan lebih ramai pengundi berdaftar, dianggarkan 2X dan 5X lebih tinggi berbanding dengan PRN Sarawak dan Melaka. Sekiranya situasi epidemiologi merosot, kita mesti mempertimbangkan langkah yang serius untuk menangguh PRN Johor.

MHC memahami kepentingan pilihan raya. Walau bagaimanapun, peningkatan kes yang mendadak akan menjejaskan sektor kesihatan Malaysia. Justeru, MHC ingin menegaskan kepentingan amalan pengundian yang lebih selamat tanpa kempen fizikal, meningkatkan penguatkuasaan SOP, dan mempertimbangkan penangguhan PRN Johor jika situasi kesihatan awam merosot.

### **BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.**

**Gabungan Kesihatan Malaysia** (Senarai tandatangan penuh di [myhealthcoalition.org](https://myhealthcoalition.org))

25 Februari 2022

For enquiries: [malaysianhealthcoalition@gmail.com](mailto:malaysianhealthcoalition@gmail.com)  
[Website](#) | [Facebook](#) | [Twitter](#)

**Senarai tandatangan:****Persatuan**

1. Academy of Medicine Malaysia
2. Association of Malaysian Optometrists
3. College of Anaesthesiologists
4. Dermatology Society of Malaysia
5. IKRAM Health Malaysia
6. Islamic Medical Association of Malaysia
7. Lung Cancer Network of Malaysia
8. Malaysian Association for Bronchology and Interventional Pulmonology
9. Malaysian Association of Clinical Biochemists
10. Malaysian Association of Environmental Health
11. Malaysian Coalition on Ageing
12. Malaysian Nurses Association
13. Malaysian Pharmacists Society
14. Malaysian Public Health Physicians' Association
15. Malaysian Society of Anaesthesiologists
16. Malaysian Society of Clinical Psychology
17. Malaysian Society of Geriatric Medicine
18. Malaysian Society of Occupational Safety and Health
19. Malaysian Thoracic Society
20. Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia
21. MedTweetMy
22. Obstetrical and Gynaecological Society of Malaysia
23. Public Health Malaysia

**Individu**

1. Assoc Prof Dr Uma Devi Palanisamy
2. Dato' Dr Amar Singh-HSS
3. Dato' Dr Jahizah Hassan
4. Dr Khor Swee Kheng
5. Prof Datuk Dr Zulkifli Ismail
6. Prof Dr Asri Said
7. Prof Dr Roslina Abdul Manap
8. Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh
9. Prof Dr Zaleha Abdullah Mahdy

Diselaraskan oleh: Yee Hui Fang, Dr Sean Thum